Gambar menunjukkan oella yang mempelajari SENI SILAT LINTAH bahagian ke lima bergambar dengan mahagurunya, Encik Abdul Muluk Idhan dan gurnya, Encik Ibrahim Hashim sema sa majlis katam bagi 20 orang baru-baru ini.

Belia Melaka popularkan seni silat pusaka Melayu

Rencana dan gambar-gambar

Oleh Hamid Jins

SEJAK akhir-akhir ini, perkembangan seni silat di Melaka begitu rancak sekali.

Pertumbuhan kumpulan-kumpulan silat itu mungkin disebabkan oleh semangat yang diwarisi dari pahlawan-pahlawan Melayu Melaka dalam zaman kegemilangannya dulu.

Mula-mulanya pertumbuhan silat itu berupa SENI SILAT BELIAN yang banyak menggunakan tenaga. Silat tersebut tertumpu pada mempertahankan diri, dan ada kalanya juga untuk pertunjukan, di majlis - majlis perkahwinan misalnya.

Jenis silat itu boleh dikatakan digemari oleh kaum lelaki sahaja kerana ia menggunakan banyak tenaga dan caranya pula sungguh lasak.

Kemudian muncul pula SENI SILAT GAYUNG dan mendapat sambutan hangat. Berpuluh-puluh kumpulan silat tersebut muncul di merata kampung dalam Melaka — samada bersendirian atau melalui seksi-seksi kesenian kelab-kelab belia.

Muncul

Gadis - gadis ramai mempelajari Seni Silat Gayung ini.

Setelah itu muncul pula SENI SILAT SENDING yang didatangkan dari Muar. Silat ini juga telah menarik ramai belia di Melaka mempelajarinya hingga sekarang ia mempunyai 7 buah cawangan kira-kira 2,000 orang anggota.

Kedatangan Seni Silat Sending ini juga telah mendapat tempat yang baik kerana setiap kali di adakan pertunjukan kebudayaan atau keramaian, kumpulan itu tidak ketinggalan dijemput mengadakan pertunjukanya.

Silat tersebut selain dari satu jenis pertahanan diri, juga sesuai dipertunjukkan di hadapan pengantin kerana bunga-bunga silat dan pecahannya yang cantik dan menarik.

SENI SILAT HARIMAU yang telah lama juga wujud di Melaka, sekarang mula mendapat perhatian. Lebih dari 2,000 orang belia sekarang mempelajarinya melalui kelab-kelab belia di Melaka.

Silat ini juga, selain dari pertahanan diri, sesuai dipertunjukkan dalam majlis-majlis perkahwinan dan lain-lain pertunjukan besar.

Dua orang belia ini kelihatan sedang menunjuk kan permainan mereka dalam majlis katam "Seni Silat Lintau" itu.

Dan silat yang akhir sekali sampai negeri ini ialah SENI SILAT LINTAU, yang mana seorang guru, Abdul Muluk bin Idham, 69 tahun, cucu kepada Panglima Lidah Hitam (yang bermakam di Parit Sakai, Muar), membawanya dari Perak.

Seni Silat Lintau ini telah mula berkembang di Melaka sejak tahun 1968 dengan cara senyap-senyap. Dan sekarang ia telah melatih kira-kira 300 orang.

Bagaimana hanya Seksi Kebudayaan Pergerakan Pemuda UMNO Cawangan Peringgit Melaka sahaja yang menggerakkan seni silat ini. Sekarang latihannya telah memasuki bahagian kelima, dan buat pertama kalinya lima orang gadis telah menyertainya.

Pantang

Pegerakan Pemuda UMNO Peringgit telah menamakan kumpulan itu "Persatuan Pancalindera Seni Silat Lintau". Encik Ibrahim bertindak sebagai gurunya.

Setiap orang yang ingin mempelajari Seni Silat Lintau ini mestilah taat pada segala pantang-larangnya seperti tidak boleh meminum minuman keras, tidak boleh berdengki dan segala perkara yang dilarang Islam.

Nampaknya sambutan belia terhadap seni silat ini sungguh menggalakkan.

Baru-baru ini persatuan Pancalindera Seni Silat Lintau telah mengadakan majlis katam bagi 20 orang anggotanya di Peringgit.

Silat ini banyak menggunakan fikiran yang tenang dan lambat membuat sesuatu pukulan. Juga ia banyak membuka langkah yang merayap rendah ke tanah dan sekali-sekala melompat hingga lepas ke atas kepala.